

22/02/2005

Selangor diisytihar negeri maju 31 Ogos

Oleh Dr Mohamad Khir Toyo

SEBAGAI menandakan kejayaan pencapaian matlamat Wawasan Selangor Maju 2005, kerajaan negeri akan mengisytiharkan perubahan status negeri Selangor secara rasmi daripada sebuah negeri membangun kepada negeri maju pada 31 Ogos depan.

Ia dibuat sempena sambutan ulang tahun ke-48 kemerdekaan negara kerana kejayaan itu adalah mercu tanda penting pencapaian usaha pengisian erti kemerdekaan negara dan negeri selama ini.

Perubahan status Selangor juga amat signifikan kerana negeri ini akan menjadi negeri maju yang pertama di Malaysia, 15 tahun lebih awal daripada perancangan pada peringkat kebangsaan melalui Wawasan 2020.

Sebenarnya, permulaan kepada Wawasan 2005 Selangor Maju dicetuskan apabila Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad melontarkan idea Wawasan 2020 ketika menyampaikan kertas kerjanya bertajuk 'Malaysia: Langkah ke Hadapan' pada pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia (MBC) pada 28 Februari 1991.

Bagi memastikan pengisytiharan perubahan status itu tidak dianggap sebagai retorik politik semata-mata, kerajaan negeri mentauliahkan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga partner institute kepada International Institute for Management Development (IMD), Switzerland serta dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk melakukan kajian bagi menanda aras pencapaian status negeri maju.

Ia dilakukan dengan menanda aras prestasi Selangor dengan 31 negara dan wilayah terpilih di seluruh dunia, termasuk 19 negara maju yang menjadi anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), seperti Denmark, New Zealand, Sweden dan Switzerland; sebuah negara maju yang bukan ahli kelab OECD iaitu Singapura dan lima wilayah di negara maju seperti Bavaria (Jerman), Catalonia (Sepanyol), Ile-De-France dan Rhone Alps (Perancis), Lombardy (Itali) serta Hong Kong, China.

Untuk kajian berasaskan Modal Daya Saing Global ini, 75 penanda aras relevan dipilih daripada 268 kriteria yang diguna pakai institusi antarabangsa yang berwibawa, diiktiraf dan tersohor untuk mengukur daya saing peringkat global, antaranya IMD, penyusun World Competitiveness Yearbook; Forum Ekonomi Dunia (WEF), penyusun 'Global Competitiveness Report' dan National Competitiveness Council, Ireland, penyusun Annual Competitiveness Report.

Daripada 75 penanda aras yang dipilih, 42 adalah daripada data kasar berasaskan statistik yang diperolehi pada peringkat kebangsaan dan negeri, serta 33 soft data yang berasaskan tinjauan pendapat umum kumpulan sasar terpilih.

Penanda aras yang dipilih mengukur empat faktor utama iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan prasarana atau infrastruktur dalam pelbagai bidang.

Di antara penanda aras yang dikaji adalah pertumbuhan ekonomi, pendapatan perkapita berasaskan kuasa beli, pengangguran, inflasi, peratusan hutang kerajaan negeri dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peratusan kutipan hasil dari KDNK, produktiviti dan infrastruktur.

Mengikut kajian NPC, didapati dua ciri penting yang ada pada sebuah negara atau wilayah maju iaitu daripada 75 penanda aras yang ditentukan, sebuah ekonomi maju akan mencapai sekurang-kurangnya 70 peratus kedudukan

1 hingga 20 dalam setiap 75 penanda aras terpilih apabila mereka dibandingkan dengan 31 negara dan wilayah yang digunakan sebagai perbandingan.

Berlatarbelakangkan kajian ini, kajian awal NPC pada 2003 menunjukkan pencapaian 69.3 peratus Selangor bagi kedudukan antara 1 hingga 20 bagi 75 penanda aras terpilih.

Kajian pada 2004 pula mendapati pencapaian 77.3 peratus bagi Selangor iaitu melebihi tahap minimum peratusan yang diperlukan untuk pengiktirafan sebuah negara atau ekonomi maju, manakala menjelang tarikh pengisytiharan perubahan status pada 31 Ogos nanti, dijangkakan peratusan ini akan meningkat kepada 80 peratus.

Ciri kedua yang biasanya dimiliki negara atau ekonomi maju pula adalah pendapatan perkapita KDNK diukur daripada kuasa beli pariti minimum berada pada kedudukan AS\$10,000 (RM38,000). Pendapatan perkapita berasaskan kuasa beli Selangor pada 2004 berada pada kadar AS\$12,876 (RM48,929).

Sebenarnya, dalam dunia ini tidak ada peraturan atau badan khusus yang sedia wujud untuk mengukur sama ada sesebuah negara itu boleh diiktiraf sebagai negara maju, membangun atau mundur.

Ada yang mengaitkan keanggotaan dalam OECD yang ditubuhkan pada 1960 sebagai syarat pengiktirafan negara maju, namun ada 54 negara berpendapatan tinggi seperti Singapura yang mempunyai pendapatan perkapita lebih tinggi daripada sesetengah negara anggota OECD, ekonomi yang bebas serta kompetitif dan tadbir urus awam serta perniagaan yang telus dan cekap, namun disebabkan mereka bukan ahli kelab eksklusif itu, mereka tidak diiktiraf sebagai negara maju.

Mengikut garis panduan yang diguna pakai Bank Dunia melalui kaedah 'World Bank Atlas Method', negara dan ekonomi yang menganggotai Bank Dunia diklasifikasikan kepada tiga kategori mengikut pendapatan perkapita berasaskan Pendapatan Kasar Kebangsaan (GNI), iaitu bagi negara berpendapatan rendah, negara berpendapatan sederhana yang dibahagi kepada dua kategori lagi iaitu sederhana tinggi dan sederhana rendah serta negara berpendapatan tinggi.

Bagi negara yang diklasifikasikan sebagai negara pendapatan rendah, kadar pendapatan perkapita mereka adalah AS\$765 (RM2,907) atau kurang, negara berpendapatan sederhana rendah di antara AS\$766 (RM2,911)-AS\$3,035 (RM11,533), negara berpendapatan sederhana tinggi di antara AS\$3,036 (RM11,537)-AS\$9,385 (RM35,663) dan negara berpendapatan tinggi AS\$9,386 ke atas.

Ada juga arah aliran pada akhir 1980-an dan 1990-an yang menggelar sesetengah negara sebagai negara perindustrian baru (NIC). Antara syaratnya ialah sumbangan besar sektor pembuatan kepada KDNK dan pendapatan perkapita yang melebihi AS\$2,000 (RM7,600).

Jika mengikut ukuran ini, Selangor jauh di depan kerana lebih 60 peratus KDNK negeri disumbangkan sektor industri, 52 peratus daripadanya sumbangan sektor pembuatan.

Sektor ini juga menyediakan lebih 36 peratus peluang pekerjaan.

Sektor kedua terbesar ialah sektor perkhidmatan yang menyumbang hampir 37 peratus kepada KDNK negeri dan menyediakan hampir 61 peratus peluang pekerjaan, manakala sektor pertanian yang bernilai RM1.3 bilion, hanya menyumbang 2.1 peratus kepada KDNK negeri dan menyediakan 2.4 peratus peluang pekerjaan.

Disebabkan tidak ada garis panduan jelas sama ada pada peringkat global atau kebangsaan mengenai apa itu sebuah negara atau ekonomi maju, Kerajaan Selangor membuat keputusan mentauliahkan NPC, dibantu UIAM dan UiTM bagi pertamanya menetapkan tanda aras yang berwibawa dan berkelas dunia serta selanjutnya untuk menentukan di manakah kedudukan Selangor

berasaskan parameter berkenaan.

Pencapaian status maju walaupun adalah kejayaan yang menggembirakan, bukan bererti pengakhiran jalan tetapi menandakan fasa baru kepada urusan tadbir dan pembangunan hampir 4.8 juta warga Selangor.

Dengan adanya kajian yang dibuat NPC, kerajaan negeri dapat menanda aras prestasinya kepada peringkat global. Ini membuka jalan kepada langkah mengenal pasti kelemahan dan kekuatan seterusnya kepada usaha penambahbaikan yang berterusan.

\* Penulis adalah Menteri Besar Selangor.

(END) Source : Berita Harian